

Firma Jepun tak perlu bimbang kesan negatif pemindahan teknologi

2 FEB 1991

SHAH ALAM 22 Feb. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemindahan teknologi oleh syarikat - syarikat Jepun ke sini tidak akan mencabar kemajuan terbaru teknologi di negara mereka.

Perdana Menteri menegaskan, syarikat - syarikat Jepun tidak perlu bimbang tentang kesan negatif pemindahan teknologi ke sini ke atas kemajuan dan kepakaran mereka kerana teknologi Jepun berubah begitu cepat.

"Teknologi mereka berkembang maju dengan pantas sekali dan hasil dari pemindahan teknologi ke Malaysia tidak akan menjadi cabaran kepada perkembangan terbaru dalam teknologi Jepun," katanya.

Berucap merasmikan kilang Canon Opto (M) Sdn. Bhd., di sini petang ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, syarikat - syarikat sebaliknya akan mendapat faedah dari pemindahan teknologi ke sini kerana ia akan membantu pembangunan industri komponen dan rangkaian pembekal tempatan.

Dengan ini kata beliau, syarikat - syarikat Jepun akan mendapat bekalan komponen yang murah, mengurangkan harga barangan dan menjimatkan masa penghantaran.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, syarikat - syarikat Jepun boleh menjalankan usahasama dengan syarikat - syarikat tempatan untuk mengeluarkan barangan yang mereka perlukan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pasaran eksport.

Katanya lagi, walaupun kerjasama antara syarikat Malaysia dan Jepun telah dijalankan tetapi ia belum dibuat secara besar - besaran.

Perdana Menteri bagaimanapun memuji syarikat - syarikat Jepun yang menghantar jurutera masing-masing ke syarikat-syarikat Malaysia untuk membantu kemampuan pengeluaran dan peningkatan mutu.

Pada masa yang sama Dato' Sri Dr. Mahathir mahu syarikat - syarikat Malaysia menggunakan kesempatan cadangan - cadangan usahasama yang datang dari syarikat Jepun untuk memajukan perusahaan masing - masing.

"Syarikat - syarikat komponen dan alat ganti Jepun boleh berusahasama dengan syarikat Malaysia dengan berkongsi risiko dan memindahkan teknologi dengan cara yang tersusun," katanya.

Berhubung dengan pelaburan Jepun di sini pula, Perdana Menteri berkata ia menunjukkan peningkatan yang menggalakkan sejak dari tahun 1986 hingga sekarang.
